

15/12/1997

Pelaburan Malaysia di Myanmar RM1.53b

PELABURAN Malaysia di Myanmar kini dijangka bernilai RM1.53 bilion dalam 16 projek, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Pelaburan Malaysia membabitkan sektor pemprosesan kayu, pembangunan hotel dan pelancongan serta perniagaan, katanya kepada pemberita selepas rundingan dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi Majlis Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar Than Shwe di sini.

Sepanjang Januari-Oktober 1997, eksport Malaysia ke Myanmar berjumlah RM916.6 juta dan import sebanyak RM131.7 juta. Pada 1996, eksport Malaysia ke Myanmar bernilai RM555.5 juta dan import sebanyak RM100 juta.

Eksport Malaysia merangkumi minyak sawit, minyak mentah serta pelbagai barangan seperti penghawa dingin, perabot, bahan makanan serta bahan pembinaan.

Rafidah berkata, Myanmar sedang membangunkan industrinya menerusi sumber alam yang banyak serta penemuan rizab gas yang besar.

Oleh itu, menurut Rafidah, Myanmar berhasrat untuk membangunkan industri simen, besi waja dan sektor bukan pertaniannya dengan menggalakan pelabur-pelabur asing bersama membangunkan sektor-sektor itu.

"Malaysia sudah pun berada di Myanmar dan giat untuk melihat potensinya," katanya.

Rafidah berkata Myanmar tidak menghadapi masalah kewangan seperti beberapa negara di Asia sekarang kerana mata wangnya, kyat, tidak didagangkan dalam pasaran mata wang.

Bagaimanapun, Myanmar, yang menyertai Asean tahun ini, sudah dinasihatkan supaya bersedia menghadapi implikasi pasaran apabila mata wangnya mula berada di pasaran, katanya. - Bernama

(END)